

Labur dahulu baru belanja...

Utusan Malaysia, 30 April 2015

Setiap bulan apabila mendapat gaji, apakah perkara pertama yang anda lakukan? Pernahkah anda terfikir untuk melabur dahulu, dan kemudiannya membayar bil dan hutang yang perlu dilangsaikan?

Bagi kebanyakan kita, jawapannya berkemungkinan besar adalah tidak. Ini kerana ramai antara kita mengamalkan pengurusan kewangan yang meletakkan keperluan melabur di tempat terakhir.

Bagaimanapun kaedah pengurusan kewangan seperti ini sebenarnya adalah tidak berkesan dan menyebabkan ramai yang tidak melabur. Ia menyebabkan mereka tidak mempunyai tabungan sebagai sandaran jika berlaku perkara luar dugaan.

Ketiadaan sandaran ini menyebabkan ramai yang terpaksa mengambil hutang peribadi atau menggunakan kad kredit apabila berdepan kesukaran dan kecemasan, yang akhirnya meletakkan kedudukan kewangan mereka dalam keadaan goyah dan terdesak.

Dengan pendapatan yang tidak begitu besar, bebanan hutang yang keterlaluan akan menyebabkan kita berada dalam keadaan tidak keruan dan sukar mengurus masa depan.

Jadi bagaimana cara terbaik untuk mengurus kewangan supaya kita sentiasa mempunyai sandaran kewangan yang kukuh jika berlaku perkara luar dugaan?

Jawapannya ialah dengan melabur dahulu baru belanja. Anggaphlah pelaburan seperti sebahagian daripada perbelanjaan yang perlu anda lakukan, sama seperti keperluan membayar bil dan hutang.

Bagaimana melakukannya?

Antara kaedah terbaik ialah melabur secara automatik setiap bulan, menerusi kemudahan potongan gaji atau pelaburan secara dalam talian setiap kali mendapat gaji supaya anda tidak terlepas membuat pelaburan bulanan.

Berapa jumlah pelaburan yang sesuai?

Lihat kepada pendapatan anda dan nilai kemampuan anda untuk melabur. Katakan pendapatan anda ialah RM3,000 dan anda mempunyai 2 orang anak, anda mungkin boleh menetapkan RM100 sebulan untuk melabur. Jumlah ini seharusnya meningkat setiap kali anda menerima kenaikan gaji, supaya anda dapat mengelak daripada menggunakan pendapatan anda untuk perkara yang tidak perlu

Paling penting, jangan membuat peruntukan yang terlalu besar hingga menjejaskan keupayaan anda untuk membayar bil, hutang atau membiayai kehidupan seharian. Jika anda perlu mengeluarkan semula pelaburan kerana tidak mempunyai wang yang cukup sehingga gaji seterusnya, ia akan hanya menjejaskan matlamat anda untuk membina tabungan.

Mengapa perlu konsisten?

Pelaburan yang konsisten akan membantu anda mengumpul modal dengan pantas untuk mengumpul pulangan yang lebih besar.

Apakah kaedah pelaburan automatik?

Terdapat pelbagai kaedah termasuklah kemudahan potongan gaji, pelaburan dalam talian (menerusi portal perbankan) dan kaedah arahan terus yang disediakan bank-bank di negara ini.

Antara institusi pelaburan yang menawarkan kemudahan potongan gaji menerusi majikan ialah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) untuk pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera. Paling menarik, kemudahan adalah percuma.

Justeru jika majikan anda belum berdaftar dengan ASNB untuk kemudahan ini, anda boleh meminta majikan anda berbuat demikian supaya anda juga boleh menikmati kelebihan kemudahan potongan gaji ini.

Kaedah potongan gaji ini sangat berkesan kerana wang berkenaan tidak akan sampai ke tangan anda untuk dibelanjakan, sebaliknya dimasukkan terus ke dalam akaun pelaburan anda.

Selain itu anda juga boleh melabur menerusi kemudahan pelaburan dalam talian yang disediakan oleh bank-bank di negara ini seperti Maybank2u, RHB dan CIMB Bank.

Dengan melabur secara automatik, anda dapat mengelak daripada menanggungkan pelaburan anda dan mengambil sikap melabur bila ada lebihan.

Secara tidak sedar, anda akan mempunyai tabungan sebagai sandaran. Tidak kisahlah apa matlamat anda, sama ada untuk persaraan, kecemasan

atau mungkin juga pendidikan anak-anak, anda tidak perlu lagi berhutang apabila memerlukan kelak.

Melaburlah sementara anda sihat dan mampu dan sebaiknya apabila anda mula bekerja. Lebih lama anda melabur secara konsisten, lebih besarlah jumlah tabungan anda.

Tahukah anda?

Menggunakan kaedah pelaburan sistematik seperti skim potongan gaji atau arahan terus untuk pelaburan dalam ASB boleh membantu anda melabur secara konsisten setiap bulan.

Tempoh Pelaburan (Tahun)	Jumlah pelaburan bulanan (RM)			
	10	50	100	150
5	719	3,579	7,159	10,738
10	1,730	8,654	17,308	25,962
20	5,209	26,046	52,092	78,139
30	12,199	60,998	121,997	182,995
40	26,248	131,240	252,481	393,722

Tempoh Pelaburan (Tahun)	Jumlah pelaburan bulanan (RM)		
	50	100	150
10	8,654	17,308	25,962
20	26,046	52,092	78,139
30	60,998	121,997	182,995
40	131,240	252,481	393,722